

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 13 APRIL 2018

MUKA SURAT: 14

14 setempat

13-04-2018

Putrajaya

Bomba beku cuti 10,000 anggota, pegawai menjelang PRU14

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) membekukan cuti kira-kira 10,000 pegawai dan anggotanya di seluruh negara sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Ketua Pengarah JBPM Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, arahan itu bermula pada hari penamaan calon iaitu 28 April ini sehingga seminggu selepas berakhirnya PRU14 membabitkan pegawai dan anggota dari bahagian operasi.

Beliau berkata, JBPM bertanggungjawab memantau isu keselamatan bagi melancarkan proses pilihan raya terutama berkaitan keselamatan premis serta bangunan seperti pusat pengundian dan pusat pengiraan undi.

Menurutnya, JBPM bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi membuat pemeriksaan di premis yang berkaitan bagi memastikan sistem keselamatan kebakaran dipatuhi dan berada dalam keadaan selamat.

"Selain itu, pada hari pengundian, pegawai dan anggota JBPM akan ditempatkan di kawasan tertentu seperti pusat pengundian dan pengi-

raan undi sebagai langkah persediaan awal bagi mengelak sebarang perkara tidak diingini seperti kebakaran dan sebagainya.

"Kita juga bersiap-siaga dari segi logistik sekiranya keadaan memerlukan untuk kami membantu melancarkan proses pilihan raya nanti," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan Peringkat Ibu Pejabat JBPM, di sini, semalam.

Selain itu, pada majlis berkenaan turut diadakan Istiadat Penganugerahan Pingat Kebesaran JBPM yang menyaksikan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda menerima Pingat Ketua Pengarah Bomba.



Putrajaya

Bukan benda baru undi hari kerja

Pemilihan tarikh mengundi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei, yang jatuh pada hari bekerja bukan perkara baru kerana rekod PRU sebelum ini menunjukkan ia sudah beberapa kali diadakan pada hari bekerja.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Mohd Hashim Abdullah berkata, sebelum ini, pada PRU pertama (1959), PRU Ke-6 (1982), PRU Ke-9 (1995) dan PRU Ke-10 (1999) juga hari mengundi diadakan pada hari bekerja.

"SPR menyambut baik pengumuman kerajaan bahawa 9 Mei ditetapkan sebagai Hari Kelepasan Am tambahan seluruh negara

untuk membolehkan rakyat Malaysia menunaikan tanggung jawab mereka sebagai pengundi. Maka, dengan pengumuman cuti umum ini, ia sewajarnya tidak dijadikan isu.

"Malah, pemakluman awal berkenaan tarikh PRU14 ini juga membolehkan pengundi mempunyai masa yang secukupnya untuk merancang perjalanan dan sebagainya," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, bagi majlis yang meneruskan operasi pada hari mengundi, mereka dikehendaki memberi tempoh yang munasabah kepada pengundi yang bekerja untuk keluar mengundi.